

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]

TARIKH : 21 MEI 2015 [KHAMIS]

SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kerajaan-kerajaan Negeri dalam membantu Kementerian memastikan tanah untuk pertanian kekal dan boleh ditambah dalam memastikan makanan mencukupi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah melaksanakan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang merupakan salah satu langkah transformasi sektor pertanian selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 bertujuan untuk menjamin bekalan makanan negara. Dalam melaksanakan projek-projek ini, MOA mendapat kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri yang menyediakan tanah untuk dibangunkan dan mewartakannya bagi tujuan TKPM, manakala Kerajaan Persekutuan pula akan menyediakan infrastruktur asas. Bagi memudahkan pelaksanaan program tersebut, Perjanjian Persefahaman (MoU) TKPM telah ditandatangani oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri di semua negeri.

Selain itu, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke 7/2006 pada 15 Disember 2006 telah membuat keputusan supaya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengenalpasti kawasan baru berpotensi bagi melaksanakan program pengeluaran makanan negara sebagai TKPM bagi tanaman, akuakultur dan ternakan sebagai langkah ke arah meningkatkan sekuriti makanan.

Secara keseluruhan, jumlah keluasan kawasan TKPM bagi tanaman, akuakultur dan ternakan sehingga April 2015 yang telah dibangunkan di seluruh negara adalah 36,727.76 hektar. Jumlah keluasan yang telah dibangunkan bagi TKPM Tanaman secara keseluruhan ialah 9,786.55 hektar manakala keluasan yang telah dibangunkan bagi TKPM Ternakan ialah seluas 5,771.50 hektar. Bagi TKPM Akuakultur, pewartaan tanah tidak dilaksanakan sebaliknya Kerajaan Negeri mengezonkan kawasan tersebut sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) dengan keluasan sebanyak 21,169.71 hektar di seluruh negara.